

Sistem parit tak sistematik

» Penduduk dakwa air sukar mengalir setiap kali hujan berterusan

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

Sistem perparitan tidak sistematik sekitar Pandan di sini, umpama bom jangka yang boleh menyebabkan banjir besar pada 2013 dan tahun lalu terus berulang dan menyebabkan penduduk sekitarnya kerugian besar.

Empat perumahan iaitu Taman Pandan Damai Satu Fasa 2, Taman Nilaitek, Taman Greenlast dan Emperor Garden di situ, berkongsi parit tanah yang didakwa tidak sistematik, berbanding binaan konkrit yang ditetapkan

oleh pihak berkuasa.

Tiada sebarang tindakan

Keadaan itu menyebabkan limpahan air sering berlaku terhadap rumah berdekatan apabila hujan berterusan. Meskipun aduan sudah dibuat kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun tiada sebarang tindakan diambil sehingga kini.

Wakil penduduk Taman Pandan Damai Fasa 2, Norhairul Nizam Awg Malek, 37, berkata mereka sentiasa kebimbangan apabila hujan berterusan.

"Parit sedia ada ini tidak mampu menampung air setiap kali hujan berterusan menyebabkan limpahan kerap berlaku. Perparitan yang tidak lurus juga menyebabkan air sukar mengalir sempurna.

"Kami mahu tinggal dalam keadaan selesa dan meminta pihak berkuasa mengubah semula sistem perparitan yang tidak sesuai," katanya kepada BH di sini, semalam.

Norhairul Nizam berkata, pen-



Norhairul Nizam menunjukkan parit yang dipenuhi sampah sarap dan tidak diselenggara dengan baik di Taman Pandan Damai Fasa 2, Kuantan.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

diduk pernah bergotong royong membersihkan saluran terbabit bagi menghadapi musim tengkujuh tetapi keupayaan mereka terhad.

"Itu saja boleh kami lakukan bagi mengurangkan kerosakan teruk akibat banjir, aduan sudah dikemukakan kepada MPK dan JPS tetapi tiada sebarang tindakan diambil," katanya.

Penduduk Taman Pandan Damai Satu Fasa 2, Fakharuddin Amiruddin, 30, berkata perparitan tidak sistematik di kawasan itu juga disebabkan pembangunan tidak terancang.

"Banyak perumahan baharu wujud di kawasan ini tetapi perancangan dari segi perparitan yang sempurna tidak ada, sebelum 2013 tidak pernah kami dilanda musibah banjir seperti sekarang.

Perlu keseimbangan

"Perlu ada keseimbangan dalam pembangunan di sesebuah kawasan, bukan hanya atas dasar mahu mendapat keuntungan semata-mata tetapi menyebabkan orang lain susah," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Ke-

rajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, berkata menjadi dasar kerajaan negeri mewajibkan pembangunan sesebuah kawasan harus dirancang dengan teliti.

"Kita bukan baharu hendak kaji kaedah pelaksanaan pembangunan, tetapi sudah lama melakukan kajian dengan bantuan agensi berkaitan," katanya mengulas dakwaan bahawa pembangunan tidak terancang menjadi antara faktor utama bencana banjir melanda di beberapa daerah di negeri ini.